

INFOKUS




MAC 2024 | Bil. 86
www.umt.edu.my

Penerbit UMT
**menang tiga
Anugerah MAPIM-
KPT ke-14**

Perusahaan
Cendawan Tiram
**Buka Peluang
Jana Pendapatan
Golongan Asnaf**


Pelajar UMT
**Unggul Raih
Pingat Kejohanan
Pelayaran di
Bahrain**

eISSN 2716-6457



9 772716 645004

Terkini DI PASARAN



RM57.00

Biodiversity: A Bilingual Dictionary English – Bahasa Melayu

Penyunting

Gaik Ee Lee
Nur Fariza M. Shaipulah
Mohd Fairuz Md Salleh
Norasmah Basari
Amirrudin Ahmad
Ju Lian Chong
Bryan Nelson
Amirah Alias
Salwa Shahimi
Nur Juliani Shafie
Jarina Mohd Jani
Wahizatul Afzan Azmi
Nursalwa Baharuddin
Aqilah Mohammad
Nurul Shahida Redzuan
Thilaghavani Nagappan
Nor Zalipah Mohamed
Rohani Shahrudin
Nurulhuda Zakaria
Wan Bayani Wan Omar
Hung Yung Tang
Nobuyuki Yamaguchi
Mohd Tajuddin Abdullah

ISBN: 978-629-7625-15-7
Tahun: 2024



RM28.00

Mudahnya Menanam Herba dan Sayuran Berdaun di Rumah

Penyunting

Norhidayah Che Soh
Ramisah Mohd Shah

ISBN: 978-629-7625-14-0
Tahun: 2024



RM57.00

Pengurusan Harta Pusaka dan Harta Orang Islam Menurut Syarak

Penyunting

Jaharudin Padli Al-Banjari

ISBN: 978-629-7625-20-1
Tahun: 2024

like and follow us on



penerbitumt

SIDANG REDAKSI



Penaung
YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar



Penasihat
Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh



Ketua Pengarang
Mohd Afifullah Ahmad



Pereka Grafik
Wan Farida Hamimi Wan Ismail

Penolong Editor
Muhammad Hazim Aiman bin Shamsudin

Pembaca Pruf
Nurul Syuhada binti Mohd Sharol

Jurufoto
Kru Media Kreatif

KANDUNGAN

- 4 Hadiah Ulang Tahun Ke-20 Penerbit UMT menang tiga Anugerah MAPIM-KPT ke-14
- 6 Perusahaan Cendawan Tiram Buka Peluang Jana Pendapatan Golongan Asnaf
- 8 Pelajar UMT Unggul Raih Pingat Kejohanan Pelayaran di Bahrain
- 9 Teknik Penanaman Vertikal Alternatif Bertanam di Ruang Terhad
- 11 Forum "Indahnya Sebuah Pengorbanan" Pentas Perkongsian Peranan Wanita Bekerjaya
- 12 Pelajar Teknologi Alam Sekitar Tinjau Fasiliti Penjanaan Sumber Tenaga Keterbaharuan
- 13 FSKM Terima Kunjungan Profesor dari Seoul National University
- 14 Hari Ekspresi Unggul Kesenian dan Warisan Etnik Malaysia Cungkil Bakat Seni dan Budaya
- 15 Program SULAM Pupuk Kesedaran Kepentingan Khazanah Warisan Kapal Karam
- 16 "Mathematical Modelling Exhibition" Cungkil Kreativiti Pelajar Melalui Model Matematik
- 17 Teater Muzikal Magika Serlah Sisi Kesenian Pelajar
- 18 Mahasiswa Berdaya Niaga Aktif Digalak Sertai Kosiswa UMT
- 19 TMC 2023 Gah Di Bawah Kelolaan kelab Pelajar
- 20 Renungan



HADIAH ULANG TAHUN KE-20

Penerbit UMT menang tiga Anugerah MAPIM-KPT ke-14

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman
Penerbit UMT

Setelah 20 tahun beroperasi dan menceburi dunia penerbitan buku ilmiah, Penerbit UMT menerima pengiktirafan di Anugerah MAPIM-KPT Kali Ke-14 sebagai penerima Anugerah Utama, Anugerah Penerbit Harapan bagi pencapaian tahun 2021. Anugerah kemenangan ini disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda Azman di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi pada 22 Disember 2023.

Kemenangan ini merupakan hadiah ulang tahun penubuhan Penerbit UMT yang disambut pada 16 Julai 2023. Ia juga merupakan satu penghormatan atas kredibiliti Penerbit UMT sebagai



salah sebuah penerbit universiti Awam di Malaysia yang sentiasa komited untuk memajukan bidang penerbitan ilmiah. Turut hadir menerima anugerah tersebut ialah, Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh dan juga Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof. ChM. Dr. Marinah Mohd Ariffin.

Buat julung kali juga, buku terbitan Penerbit UMT; Parliament and Deliberative Practices Malaysia under Barisan Nasional karya Prof. Madya Dr. Nazli Aziz telah dipilih sebagai penerima utama Anugerah Buku Ilmiah Terbaik 2021 (Kategori Kemanusiaan dan Sains Sosial).

1. Dari kiri, Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof. ChM. Dr. Marinah Mohd Ariffin, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda binti Azman, Prof. Madya Dr. Nazli Aziz, Dr. Dr. Nurul Ashraf Razali dan Cik Rabil Sitta Abdul Rahman.



Buku tersebut merupakan sebahagian daripada tesis Doktor Falsafah di bawah penyeliaan Profesor Jennifer Curtin dari University of Auckland. Pengarang sangat terutang budi kepada penyelia yang banyak memberikan dorongan dan semangat untuk beliau menyiapkan tesisnya. Kini, ternyata buku yang dihasilkan daripada tesis tersebut telah berjaya dipilih sebagai penerbitan buku ilmiah terbaik di peringkat kebangsaan.

Selain itu, makalah dari Journal of Sustainability Science and Management (JSSM) terbitan Penerbit UMT berjudul; Effect of Thermo-Photocatalytic Process Using Zinc Oxide on Degradation on Micro/Micro-Plastic in Aqueous Environment tulisan Dr. Nurul Ashraf Razali, Dr. Wan Razifah Wan Abdullah@Wan Abd. Rahman dan Nurafiqah Mohd Zikir telah menerima anugerah penghargaan jurnal indeks antarabangsa.

Majlis Anugerah MAPIM-KPT Kali Ke-14 diadakan bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian cemerlang hasil penerbitan dalam dunia perbukuan dalam kalangan ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Seramai 70 penerima anugerah utama dan anugerah penghargaan dalam 18 kategori merangkumi pencapaian tahun 2021 dan 2022. Majlis ini mendapat sokongan penuh daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



3



4



5

2. Dari kiri, Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Che Hasniha Che Noh, Prof. Madya. Dr. Nazli Aziz dan Dr. Nurul Ashraf Razali Bersama trofi dan sijil anugerah masing-masing.
3. Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Che Hasniha Che Noh menerima anugerah daripada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi.
4. Prof. Madya Dr. Nazli Aziz pemenang utama Kategori Buku Ilmiah Terbaik 2021 (Kemansusiaan dan Sains Sosial)
5. Dr. Nurul Ashraf Razali menerima anugerah penghargaan jurnal indeks antarabangsa.



Perusahaan Cendawan Tiram

BUKA PELUANG JANA PENDAPATAN GOLONGAN ASNAF

oleh: Prof Madya Ts. Dr. Vigneswari Sevakumaran
Norain Nadzrin
Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin

Sejajar dengan objektif untuk membantu golongan berpendapatan rendah, beberapa orang pensyarah UMT iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Vigneswari Sevakumaran, Dr. Aliaa binti Idris dan Ts. Chm. Dr. Nabilah, telah menganjurkan satu program keusahawanan yang dikenali sebagai “Program Keusahawanan Cendawan Tiram”. Program keusahawanan cendawan tiram merupakan satu inisiatif di bawah dana geran komuniti Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS) untuk menambah baik taraf kehidupan golongan asnaf sekitar Kuala Nerus.

Program ini telah menasarkankan penglibatan daripada Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin Darul Akhyar, Asrama Puteri Pra Tahfiz PERKAYA Kuala Terengganu dan Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi. Program yang telah dijalankan ini berorientasikan bengkel yang merangkumi penyampaian teori dan pengajaran secara praktikal dalam menguruskan cendawan



tiram oleh para pensyarah dengan kolaborasi rakan industri, Fatisha Agrofarm SDN. BHD.

Perusahaan cendawan tiram telah dipilih sebagai model dalam merealisasikan program ini kerana dapat membuka peluang penjana pendapatan komuniti dalam tempoh pulangan (ROI) yang singkat. Proses penjagaan sehinggalah penuaian cendawan tiram adalah sangat cepat, mudah dan ringkas dan boleh memberi pulangan yang lumayan dalam tempoh dua minggu sahaja. Selain itu, projek ini juga memfokuskan kepada murid-murid sekolah

kerana perusahaan cendawan tiram dapat diusahakan sendiri untuk menjadi salah satu sumber pendapatan aktif atau menjadi peluang menjana pendapatan tambahan.

Para peserta program telah menerima modal pemula keusahawanan cendawan tiram berbentuk 400 bongkah cendawan tiram daripada pihak UMT bersama peralatan jualan yang lain seperti penimbang dan plastik. Para pensyarah juga telah berkongsi secara terperinci berkenaan pengiraan modal dan keuntungan yang dapat diperoleh dengan memasarkan hasil tuaian cendawan tiram yang segar di premis-premis perniagaan yang berdekatan. Selesai kitaran penuaian cendawan tiram, bongkah cendawan tiram juga dapat dijual sebagai baja organik.



Menerusi program ini juga, taraf kehidupan golongan asnaf dapat ditingkatkan dengan adanya perkongsian tips berkala mengenai cara penambahbaikan dalam penjagaan cendawan tiram untuk meningkatkan lagi kadar tuaian para peserta. Kos pemula tanaman cendawan tiram yang merangkumi kos pembelian dan penjagaan adalah sangat kecil berbanding model keusahawanan yang lain sekali gus tidak membebankan individu berpendapatan rendah untuk meraih pulangan masa yang singkat.

(Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof. ChM. Dr. Marinah Mohd Ariffin.

Buat julung kali juga, buku terbitan Penerbit UMT; Parliament and Deliberative Practices Malaysia under Barisan Nasional karya Prof. Madya Dr. Nazli Aziz telah dipilih sebagai penerima utama Anugerah Buku Ilmiah Terbaik 2021 (Kategori Kemanusiaan dan Sains Sosial).



Buku tersebut merupakan sebahagian daripada tesis Doktor Falsafah di bawah penyeliaan Profesor Jennifer Curtin dari University of Auckland. Pengarang sangat terhutang budi kepada penyelia yang banyak memberikan dorongan dan semangat untuk beliau menyiapkan tesisnya. Kini, ternyata buku yang dihasilkan daripada tesis tersebut telah berjaya dipilih sebagai penerbitan buku ilmiah Terbaik di peringkat kebangsaan.

Selain itu, makalah dari Journal of Sustainability Science and Management (JSSM) terbitan Penerbit UMT berjudul; Effect of Thermo-Photocatalytic Process Using Zinc Oxide on Degradation on Micro/Micro-Plastic in Aqueous Environment tulisan Dr. Nurul Ashraf Razali, Dr. Wan Razifah Wan Abdullah@Wan Abd. Rahman dan Nurafiqah Mohd Zikir telah menerima anugerah penghargaan jurnal indeks antarabangsa.

Majlis Anugerah MAPIM-KPT Kali Ke-14 diadakan bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian cemerlang hasil penerbitan dalam dunia perbukuan dalam kalangan ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Seramai 70 penerima anugerah utama dan anugerah penghargaan dalam 18 kategori merangkumi pencapaian tahun 2021 dan 2022. Majlis ini mendapat sokongan penuh daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

1. Peserta diberi pendedahan secara praktikal tentang penanaman cendawan tiram ini di mana mereka diberi peluang menuai cendawan dari rumah cendawan di UMT.
2. Peserta didedahkan dengan cara-cara pembungkusan, pemasaran, jualan dan pengiraan kos serta keuntungan oleh pensyarah serta rakan industri. Hasil jualan cendawan tersebut dikongsi oleh peserta-peserta yang terlibat.

PELAJAR UMT UNGGUL

Raih Pingat Kejohanan Pelayaran di Bahrain



oleh: Mohd Hafizi Said dan Noor Hidayah Mat Isa
Pusat latihan Pelayaran

Pasukan Pelayaran UMT telah berjaya mengharumkan nama Malaysia dan UMT dengan merangkul pingat Perak bagi kategori Match Race serta Gangsa bagi kategori Fleet Race dalam Kejohanan Kapal Layar 21st Kingdom Fleet & Match Race Event pada 13 hingga 17 Disember 2023 di Bahrain Sailing Club, Al Jazeera Beach, Zallaq, Bahrain.



Pencapaian dipamerkan oleh Pasukan Pelayaran UMT yang terdiri daripada pelajar UMT (Sarjana Muda Sains Nautika & Pengangkutan Maritim) iaitu Mohd Faris Aiman Basri, Nur Ainul Izzati Zil Husham dan Nur Zulaikha Mohd Zafarin disifatkan cemerlang dan membanggakan. Mereka juga dibantu oleh staf jurulatih Ku Anas Ku Zamil dan Mohd Saifullah Mohd Esa dan turut disertai oleh Pengarah Pusat Latihan Pelayaran UMT, Encik Mohd Hafizi Said.

Dalam penyertaan keenam UMT di peringkat antarabangsa ini, pasukan Pelayaran UMT telah berjaya mengharungi beberapa perlumbaan dalam keadaan

angin 18-20 knots dan ombak besar sepanjang pertandingan. Kejohanan ini telah mengumpulkan lapan pasukan dari Malaysia, Perancis, Austria, Switzerland, Kuwait, Arab Saudi, Tunisia dan Bahrain.

Kejohanan ini adalah anjuran kerajaan Bahrain dan Persekutuan Bahrain bagi Sukan Laut dengan kerjasama Sheikh Khalifa bin Abdullah Al Khalifa (Ketua Majlis Persekutuan) dan ditaja oleh Pusat Perhiasan Bahrain iaitu ejen rasmi Jam Omega di Kerajaan Bahrain.

Kejohanan ini juga telah berjaya mendukung Prakarsa HEPA UMT iaitu "Meluncur Pelayaran Untuk Semua" dan "Pemeriksaan Mahasiswa". Naratif Pemeriksaan Mahasiswa ini dilihat selari dengan hala tuju baharu KPT sejajar dengan naratif 'perubahan' yang dibawa oleh kepimpinan pelajar.



TEKNIK PENANAMAN VERTIKAL

Alternatif Bertanam di Ruang Terhad

oleh: Dr. Iffah Hazirah Mohd Nawi
Dr. Ramisah Mohd Shah
Fakulti Perikanan dan Sains Makanan

Peningkatan harga bahan mentah termasuklah sayuran memberi kesan kepada orang ramai terutama pada komuniti yang berpendapatan rendah. Menanam sendiri tanaman sayuran di rumah merupakan salah satu alternatif yang boleh dilaksanakan. Ekoran daripada itu, sekumpulan penyelidik yang terdiri daripada tujuh orang pensyarah Program Sains Tanaman dari Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, UMT telah mengambil inisiatif bagi mengatasi masalah ini dengan menggalakkan komuniti tempatan untuk menggunakan teknik penanaman vertikal.

Teknik penanaman vertikal ini telah terbukti sebagai kaedah yang berkesan untuk digunakan di pelbagai ruang terutama oleh komuniti yang mempunyai terhad kepada ruang tanah, seperti penduduk rumah pangsa. Dalam kaedah ini, sayuran ditanam secara bertingkat, menggunakan batang paip besar yang mempunyai sedikit

ruang horizontal dan lebih mengutamakan ruang vertikal. Ini membolehkan lebih banyak tanaman ditanam dalam ruang yang terhad. Antara kelebihan teknik penanaman vertikal termasuklah penggunaan yang lebih efisien terhadap ruang, baja, dan air.

Melalui geran pemindahan ilmu KTAG (Knowledge and Technology Assimilation Grant) UMT yang diterima pada tahun 2023, projek penanaman sayuran secara vertikal dapat dijalankan. Seramai 10 orang peserta projek terdiri daripada komuniti Perumahan Awam Padang Hiliran, Kuala Terengganu telah terpilih. Di samping itu, seramai enam orang pelajar tahun akhir program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) juga terlibat sebagai pembantu penyelidik. Sepanjang enam bulan projek ini dilaksanakan, para peserta telah berjaya menanam pelbagai jenis sayuran seperti kangkung, bayam, daun bawang, dan sawi menggunakan sistem penanaman vertikal.



1. Peserta menunjukkan kreativiti pengairan di set vertikal
2. Contoh set vertikal yang diberikan kepada peserta projek Peserta menunjukkan kreativiti pengairan di set vertikal

Beberapa peserta juga telah menggunakan kreativiti sendiri untuk meningkatkan sistem penanaman vertikal ini seperti menggunakan sistem drip untuk penyiraman air secara berterusan dan perlahan. Selain itu, tanaman memanjat seperti timun dan tanaman berbuah seperti lada juga telah berjaya ditanam untuk kegunaan sendiri. Kejayaan projek ini amat menggalakkan kerana hampir kesemua peserta telah berjaya menanam secara berulang kali menggunakan peralatan yang disediakan.



3. *Lawatan pemantauan dan perbincangan masalah bersama peserta projek*
4. *Tanaman cili yang berjaya ditanam di dalam set vertikal*
5. *Peserta mengutip hasil tanaman sawi dari set vertikal yang diusahakan*

Inisiatif ini membawa manfaat tidak hanya dari segi kewangan, tetapi juga dari segi kesihatan dan kelestarian alam. Keberadaan lebih banyak pokok juga membantu dalam menyediakan bayangan dan kesejukan, menjadikan kawasan tersebut lebih selesa dan mesra penghuni. Projek ini juga mempunyai potensi untuk menggalakkan satu keluarga untuk terlibat dalam aktiviti pertanian. Melalui pengalaman pertanian seperti ini, mereka dapat memahami proses tumbuh-tumbuhan, memupuk kepedulian terhadap alam sekitar, dan membangunkan kepekaan terhadap keperluan untuk memelihara alam semulajadi.

Dengan menyediakan peluang untuk terlibat dalam aktiviti luar dan interaksi dengan alam semula jadi, projek penanaman vertikal ini tidak hanya membawa manfaat

kepada kesihatan fizikal dan mental komuniti, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih bersepadu dan lestari. Kerjasama antara universiti dan komuniti serta mahasiswa juga mengurangkan jurang dan mengeratkan hubungan dua hala bersama komuniti setempat. Melalui program sebegini ianya dapat memupuk pembangunan sahsiah dan jiwa kemanusiaan kepada mahasiswa. Diharapkan usaha ini akan terus diperluas kepada lebih ramai komuniti untuk mencipta sebuah masyarakat yang lebih mandiri dan lestari dari segi makanan.

FORUM

“INDAHNYA SEBUAH PENGORBANAN” Pentas Perkongsian Peranan Wanita Bekerjaya

oleh: Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman
Pusat Kesihatan Universiti



Bersempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada 8 Mac setiap tahun, Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu (MUTIARA) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) telah mengadakan forum yang bertajuk Indahnyanya Sebuah Pengorbanan pada 28 Februari 2024 secara dalam talian.

Program ini membariskan tiga orang panel iaitu Prof. Dr. Wan Iryani Wan Ismail daripada Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, FSSM, Prof. Madya Chm. Dr Maisara Abdul Kadir dan Pengerusi MUTIARA UMT, Wan Sarimah Wan Razak.

Forum anjuran Biro Intellektual Awam, Kelab MUTIARA itu mengetengahkan perkongsian pengalaman, pandangan dan kepakaran mereka mengenai peranan wanita bekerjaya. Bagaimana pengorbanan seorang wanita yang bergelar ibu, pekerja, isteri dan anak dalam mengimbangi pengurusan masa serta menyesuaikan diri dalam pelbagai tugas seharian mereka.

Menurut mantan Pengerusi MUTIARA UMT, Prof. Ts. Dr. Nora`Aini Haji Ali, wanita berperanan penting dalam menyumbang kemajuan ekonomi negara. Mereka juga merupakan antara tonggak pembangunan institusi kekeluargaan dan pengukuhan masyarakat penyayang.

“Penglibatan wanita dalam pekerjaan formal tidak membebaskan mereka daripada tanggungjawab terhadap keluarga. Wanita



perlu bijak mengimbangi peranan dengan teratur dan berkualiti. Forum ini mengupas peranan wanita yang bekerja dan langkah bagaimana untuk mengimbangi peranan mereka dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan, pengurusan dan lain-lain lagi, “ujar Prof. Nora lagi.

Melihat contoh kepada Pengerusi MUTIARA, Wan Sarimah, beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Pusat Aktiviti Warga Emas Kuala Nerus (PAWE). Selain itu, beliau turut aktif dalam sukan bola jaring dan pernah menjadi Pengurus Sukan Malaysia (SUKMA) bagi pasukan bola jaring Terengganu.

Forum tersebut mendapat sambutan yang hangat dengan kehadiran seramai 240 peserta dalam talian yang terdiri daripada kalangan warga UMT dan agensi luar. Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman bertindak sebagai moderator bagi merencana perjalanan forum tersebut.



1. Barisan panel jemputan bersama moderator dalam Forum bertajuk Indahnyanya Sebuah Pengorbanan
2. Profesor Madya Chm. Dr Maisara Abdul Kadir membicarakan topik berkaitan peranan wanita dalam bidang pengurusan
3. Antara peserta yang menyertai secara dalam talian Forum Indahnyanya Sebuah Pengorbanan
4. Wan Sarimah Wan Razak, Pengerusi MUTIARA UMT

Pelajar Teknologi Alam Sekitar Tinjau **FASILITI PENJANAAN SUMBER TENAGA KETERBAHARUAN**

Oleh: Profesor Madya Ts. Dr. Shahrul Ismail
Ts. Dr. Mohamed Shahrir Mohamed Zahari
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan



Pernahkah kita terfikir bahawa sisa buangan mempunyai nilai yang sangat tinggi dan mampu menghasilkan tenaga keterbaharuan kepada negara. Sisa makanan dan buangan industri kelapa sawit telah mengubah landskap negara daripada bahan buangan ditukar kepada bahan mentah dalam industri biogas. Untuk itu, suatu eksplorasi ke stesen biogas telah diadakan oleh pelajar Sarjana Muda Teknologi Alam Sekitar (ENTECH) bagi melihat secara dengan lebih jelas bagaimana bahan buangan diproses menjadi tenaga elektrik untuk kegunaan pengguna harian.

Stesen Loji Biogas Concord Sdn Bhd, Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) - Alam Flora Sdn Bhd, dan Pusart Anaerobic Digester - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menerima kunjungan 38 orang pelajar UMT yang terdiri daripada pelajar tempatan dan antarabangsa serta pelajar pertukaran dari Universitas Andalas, Indonesia. Lawatan yang diadakan pada 23 dan 24 November 2023 ini bertujuan untuk menimba pengetahuan berkenaan proses pencernaan anaerobik pada sisa makanan dan efluen kilang sawit (POME). Sepanjang lawatan ini, para pelajar diberi pendedahan dengan jelas tentang proses pencernaan anaerobik yang dikatakan inisiatif hijau untuk menjana tenaga boleh diperbaharui.

Menerusi lawatan ini, didapati bahawa Loji biogas Concord menggunakan efluen kilang kelapa sawit (POME) sebagai bahan mentah mereka manakala Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menggunakan 100 peratus sisa makanan untuk pencernaan anaerobik mereka. Loji pencernaan biogas di kesemua tempat adalah berasaskan proses biologi dan dikawal sepenuhnya menggunakan teknologi yang canggih termasuklah kawalan internet of things (IOT).

Projek yang dijalankan ini juga mendukung agenda Sustainable Development Goal (SDG), penerapan teknologi seperti pencernaan anaerobik memberikan impak positif terhadap alam sekitar, masyarakat, dan ekonomi secara keseluruhan. Dengan usaha bersama, kita boleh mencapai sifar pembaziran dan melangkah ke arah masa depan yang lebih lestari dan berinovasi. Proses anaerobik sudah tentu menghasilkan bau yang tidak menyenangkan, namun ia mencipta sinar baharu penggunaan tenaga hijau selain berpotensi menjadi sumber ekonomi. Apakah kita, sebagai masyarakat, bersedia untuk mengangkat sisa-sisa ini dari status sekadar buangan kepada kegunaan yang memberi impak besar?




FSKM Terima Kunjungan Profesor dari SEOUL NATIONAL UNIVERSITY



Oleh: Dr. Nur Baini Ismail
Dr. Ilyani Abdullah
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) menerima kunjungan Prof. Emeritus Dr. Lee Youngjo dari Seoul National University pada 23 Januari 2024 yang lalu. Sesi lawatan ilmiah dari Prof. Youngjo ini merupakan batu loncatan kepada kerjasama penyelidikan antara kedua-dua universiti dalam melebarkan lagi sayap penyelidikan, penyeliaan bersama dan pertukaran idea antara UMT dan Seoul National University terutama sekali dalam bidang analitik data.

Program lawatan dimulakan dengan sesi pembentangan penyelidikan oleh Prof. Youngjo dalam seminar anjuran “Special Interest Group for Modelling and Data Analytics” (SIGMDA) yang dihadiri oleh para penyelidik SIGMDA, para pensyarah bidang Matematik dan para pelajar siswazah. Pembentangan Prof. Youngjo mengenai asas dalam statistik dan analitik data membuka peluang kepada ahli akademik FSKM untuk mengetahui lebih lanjut mengenai aplikasi terkini yang melibatkan data raya terutama sekali analisis data dalam bidang perubahan dan pembelajaran mesin.



Sesi pembentangan penyelidikan diakhiri dengan sesi soal jawab yang memberi banyak input bermakna para pensyarah FSKM. Seterusnya, sesi perbincangan ilmiah antara pensyarah bidang Matematik dengan Prof. Youngjo diadakan bagi membincangkan potensi kerjasama berdasarkan kepakaran yang ada di UMT bagi mendapatkan geran penyelidikan di peringkat antarabangsa. Selanjutnya, turut diselitkan perbincangan bersama jawatankuasa penubuhan program baharu sarjana kerja kursus dalam bidang analitik data bagi mendapatkan maklumat penting dalam merangka dan membangunkan program baharu tersebut.

1. Sesi bergambar sebagai tanda kenangan bersama Prof. Youngjo
2. Pembentangan penyelidikan berkaitan data berdimensi tinggi



HARI EKSPRESI UNGGUL KESENIAN DAN WARISAN ETNIK MALAYSIA

Cungkil Bakat Seni dan Budaya



oleh:
Dr. Siti Fatimah Abd Aziz
Pusat Kokurikulum dan CITRA Pelajar

Pada 6 Januari 2024, pelajar kursus Perancangan dan Pengurusan Acara (CCP3013) yang ditawarkan Pusat Kokurikulum dan CITRA Pelajar (PKCP) telah mengadakan Hari Ekspresi Unggul Kesenian dan Warisan Etnik Malaysia. Program ini diadakan di Dewan Seminar 1, UMTCC. Program yang julung kali diadakan ini melibatkan seramai 119 orang pelajar yang dibimbing oleh pensyarah kursus Dr. Mohamad Faradi Mohamed Ghazali.

Matlamat program ini adalah untuk memperkasakan keunggulan diri pelajar menerusi kursus kokurikulum yang dipelajari serta memberi pendedahan dan peluang, menarik minat dan mencungkil bakat pelajar dalam pelbagai bidang khususnya bidang seni dan kebudayaan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melahirkan para pelajar yang kreatif, inovatif dan berdaya saing. Bukan itu sahaja, program ini juga dapat menyemai nilai kepimpinan dan tanggungjawab pelajar dalam aktiviti organisasi.

Program ini dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kokurikulum, PKCP, Dr. Anuar bin Abu Bakar, manakala dua orang juri telah dijemput iaitu staf dari Pusat Kebudayaan UMT, Encik Azman Hassan@Jusoh dan penyelarar kursus CCP3013, Dr. Siti Fatimah Abd Aziz.

Dalam program ini, para pelajar dikehendaki untuk mengadakan pameran berkait seni dan budaya yang ada di Malaysia. Program yang menjadi penilaian akhir pelajar ini melibatkan pelajar yang mengambil kursus ini dan tugas dijalankan secara kumpulan kecil.

Dr. Anuar dalam ucapan perasmianya berharap para pelajar dapat mencapai objektif kursus lebih-lebih lagi dalam melahirkan pelajar yang bersikap bekerja secara berpasukan, bertoleransi dan kaya dengan kemahiran psikomotor.

Majlis ini dimulai dengan persembahan khas iaitu muzik tradisional dari pelajar kursus CCP3013. Para tetamu turut dihidangkan dengan demonstrasi silat, demonstrasi membuat makanan perayaan tahun baru cina iaitu yee sang dan sebagainya. Pameran yang dibuat oleh para pelajar meliputi kesenian dan kebudayaan serta kepercayaan masyarakat zaman dahulu misalnya makanan dan pakaian tradisional, perayaan mengikut kaum, tenunan songket dan lain-lain lagi.

Penilaian akhir ini memberi kesan positif kepada pelajar dalam memupuk kemahiran kerja berpasukan, cekap menguruskan acara dan sikap cintakan kesenian dan warisan Malaysia seterusnya mencapai objektif kursus.

Program SULAM Pupuk Kesedaran

KEPENTINGAN KHAZANAH WARISAN KAPAL

oleh: Nik Nurhalida Nik Hariry
Fakulti Pengajian Maritim

Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat (PPIJIM) UMT telah melaksanakan Program Services Learning Malaysia University for Society Program (SULAM) pada 25 Jun 2023. Program ini adalah bertujuan untuk menggalakkan perkongsian asas bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

Subjek Marine Salvage & Underwater Heritage (MMM3673) telah terpilih untuk melaksanakan program SULAM. Pensyarah bagi subjek ini iaitu Dr. Nik Nurhalida Nik Hariry telah bekerjasama dengan SMK Lembah Bidong, Setiu, Terengganu dalam menjalankan program SULAM yang bertajuk “Kepentingan Khazanah Warisan Kapal Karam di Perairan Terengganu”. Justifikasi pemilihan SMK Lembah Bidong, Setiu Terengganu adalah kerana reputasi sekolah yang terbaik dan lokasi sekolah bersesuaian dengan tajuk program.

Seramai 50 orang pelajar Sarjana Muda Pengurusan Maritim, Fakulti Pengajian Maritim (FPM) telah terlibat dalam program ini dan dirasmikan oleh Pengetua SMK Lembah Bidong, Puan Hayati A.Rahman. Pengisian bagi program ini adalah sesi taklimat mengenai “Kepentingan Khazanah Warisan Kapal Karam di Perairan Terengganu” yang disampaikan oleh Dr. Nik Nurhalida. Diikuti Slot 1 “Penerangan mengenai kapal-kapal karam di perairan Malaysia” yang dibentangkan oleh enam kumpulan pelajar UMT dan Slot 2 melibatkan aktiviti “Mencipta Model Kapal daripada Bahan Kitar Semula” bersama para pelajar UMT dan SMK Lembah Bidong.



MATHEMATICAL MODELLING EXHIBITION

Cungkil Kreativiti Pelajar Melalui Model Matematik

oleh: Dr Ummu 'Atiqah Mohd Roslan
Dr. Nur Baini Ismail
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Model matematik merupakan perwakilan bagi fenomena dunia nyata yang menggunakan simbol matematik dan digunakan secara meluas dalam bidang sains semulajadi, kejuruteraan, sains sosial dan pelbagai bidang lain bagi membantu menjelaskan perlakuan sistem dan membuat analisis serta ramalan dalam bidang yang berkaitan. Proses membangunkan model matematik dikenali sebagai pemodelan matematik.

Bagi pelajar Sarjana Muda Sains (Matematik Gunaan), mereka diwajibkan untuk mengambil kursus MKG3002, iaitu Prinsip Pemodelan Matematik, sebagai teras program. Walaubagaimanapun, kursus ini juga menjadi tarikan kepada pelajar Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan) sebagai kursus elektif.

Buat julung kalinya, pensyarah yang mengajar kursus MKG3002, Dr. Ummu 'Atiqah Mohd Roslan telah menganjurkan satu pameran poster yang dikenali sebagai "Mathematical Modelling Exhibition" pada 15 Januari 2024 yang lalu bertempat di Kompleks Kuliah Berpusat, UMT.

Pameran ini melibatkan 86 orang pelajar Matematik Gunaan dan Matematik Kewangan yang dibahagikan kepada 18 kumpulan pembentangan. Pameran ini juga dijayakan oleh enam orang juri jemputan yang terdiri daripada pensyarah Matematik, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM).

1. Pemenang tempat pertama poster terbaik
2. Dr Syerrina Zakaria sedang menilai model matematik yang dihasilkan oleh Kumpulan 10



Setiap kumpulan perlu menyediakan poster dan membentangkan model matematik kepada para juri. Menurut Dr. Ummu 'Atiqah, objektif utama pameran ini adalah untuk meningkatkan keupayaan pelajar mempersembahkan model matematik yang dibina di samping meningkatkan kemahiran komunikasi dan kreativiti para pelajar dalam menghasilkan poster yang menarik.

Tiga kumpulan yang menghasilkan poster terbaik dan seorang penerima hadiah "Penampilan Terbaik" telah dipilih berdasarkan markah yang diperolehi daripada para juri. Majlis penutup pameran model matematik ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr Ruwaidiah Idris.





Teater Muzikal Magika

SERLAH SISI KESENIAN PELAJAR

oleh: Dr. Siti Fatimah Abd Aziz
Pusat Kokurikulum dan CITRA Pelajar

Pada 13 Januari 2024, pelajar kursus Teknik Lakon Pentas dan Skrin (CCB3013) yang ditawarkan Pusat Kokurikulum dan CITRA Pelajar (PKCP) telah membuat sebuah persembahan Teater Muzikal Magika dan diadakan di Dewan Al-Falah Kolej Kediaman. Persembahan ini melibatkan seramai 40 orang pelajar yang dibimbing oleh pensyarah kursus iaitu Dr. Siti Fatimah Abd Aziz.

Naskhah Magika yang bertemakan cerita rakyat menjadi pilihan sebagai penilaian akhir kursus ini. Teater Magika mengisahkan watak-watak dalam cerita dongeng seperti Hang Tuah Lima Bersaudara, Mahsuri, Awang Lembing, Bawang Putih Bawang Merah, Pak Pandir, Mak Andeh, Pak Belalang, Puteri Gunung Ledang, Orang Minyak, Awang Kenit dan Nenek Kebayan.

Para pelajar telah bertungkus lumus dalam membuat latihan sebelum hari persembahan, menyediakan prop dan juga pakaian bersesuaian bagi menghasilkan permentasan yang sempurna. Setiap latihan yang dibuat dipantau oleh penasihat produksi iaitu pensyarah kursus. Pementasan teater Magika ini diarahkan oleh Vinmughil dan dibantu Nur Khalida Aina Qusandria. Watak utama dilakonan oleh Danisya Syafia, Muhamad Fariz Haiqal, Muhammad Irfan Hakimi dan Adriana Batrisyia.

Sebelum berlangsungnya persembahan, para pelajar telah menjalani latihan bagi mengasah kemahiran lakonan supaya persembahan akhir ini lebih sempurna. Mereka sentiasa menunjukkan rasa bersemangat dan tidak putus asa semasa latihan. Pementasan teater ini telah dihadiri lebih 150 orang penonton termasuk alumni kursus Teknik Lakon Pentas dan Skrin yang hadir untuk memberi sokongan yang padu kepada para pelakon.





MAHASISWA BERDAYA NIAGA AKTIF DIGALAK SERTAI KOSISWA UMT

oleh:

Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman
Pusat Kesihatan Universiti

Koperasi Mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu (KOSISWA UMT) Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 11 Tahun 2023 bertempat di Dewan Al-Falah, Kolej Kediaman UMT.

KOSISWA UMT Berhad merupakan salah satu koperasi yang aktif dalam menyebarkan jaringan hubungan rakan niaga sama ada di peringkat lokal dan global. Mahasiswa disaran untuk aktif melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sejajar dengan perkembangan teknologi dan arus pembangunan media massa.

Menurut Dr Mohd Shaari Ab Rahman, Pengerusi KOSISWA UMT Berhad mesyuarat diadakan bagi menimbang laporan Ahli Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa, meluluskan akaun audit koperasi serta belanjawan tahunan.

“Pemilihan anggota baharu yang terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi mahasiswa yang mempunyai minat dan iltizam yang tinggi dalam meningkatkan kemahiran keusahawanan tanpa meminggirkan fokus utama dalam menimba ilmu di universiti,” ujar Dr Mohd Shaari.

Dr Mohd Shaari berkata, berdasarkan prestasi pencapaian KOSISWA UMT Berhad yang cemerlang, mesyuarat kali ini telah

bersejua dengan agihan dividen sebanyak sepuluh peratus kepada semua ahli / anggota.

Di samping itu, pengurusan turut aktif menjana pendapatan melalui projek peruncitan Siswa Save, projek sewaan dan perniagaan sempena Pesta Konvokesyen, Siswa Print, K -Stuff serta pelbagai lagi sewaan kiosk oleh pelajar yang aktif menjalankan perniagaan mereka di kampus.

Atas kerjasama dan sokongan bersama Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan – GEM UMT yang merupakan antara peneraju utama dalam menyokong mahasiswa untuk bergerak aktif dalam bidang keusahawanan. Pelbagai prasarana disediakan bagi memberi peluang kepada usahawan mahasiswa menjalankan perniagaan termasuklah kedai kek dan pastri, minuman, hadiah dan gubahan bunga serta kedai buku dan percetakan di Kompleks.





TMC 2023 GAH

Di Bawah Kelolaan kelab Pelajar

oleh: Mohd Hafizi Said
Noor Hidayah Mat Isa
Pusat Latihan Pelayaran

Terengganu Monsoon Challenge 2023: IPT Challenge 5.0 merupakan program anjuran Pusat Latihan Pelayaran, UMT dan Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) dengan kerjasama Persatuan Pelayaran Malaysia (MSA), Persatuan Pelayaran Terengganu (TSA), Terengganu Windsurfing Sailing Association (TWSA) dan Kelab Pelayaran UMT.

Terengganu Monsoon Challenge 2023 merupakan acara kemuncak kalendar sukan pelayaran negeri Terengganu yang menjadi sebahagian dari kalendar sukan pelayaran Malaysia. TMC 2023 kali ini agak unik kerana ia dikelolakan oleh kelab pelajar UMT iaitu UMT Sailing Club selaras dengan hasrat UMT dan KPT melaksanakan proses pemeraksanaan mahasiswa. Selain itu, penganjuran TMC ini adalah sebahagian daripada program di dalam Kanvas Siswa Madani yang dilancarkan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UMT.

Seramai 160 orang peserta telah menyertai kejohanan kali ini yang berlangsung selama empat hari bermula 28 sehingga 31 Disember 2023 bertempat di Duyong Marina Resort, Kuala Nerus, Terengganu. TMC 2023 kali ini lebih istimewa kerana telah menerima penyertaan peserta antarabangsa iaitu dari negara Thailand, Singapura dan India.



Sebanyak 13 kategori yang dipertandingkan iaitu IPT Close, IPT Close Foundation 36 (Keel Boat), Optimist, Int 420, ILCA 4, ILCA 6, ILCA 7, RS One, Techno 293, Junior Rig, RC IOM, Byte CII dan termasuk kategori bot Hansa untuk atlet orang kurang upaya (Para).

Turut hadir ke TMC2023 kali ini ialah Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Dr. Azlinda Azman, dan Naib Canselor UMT, Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar. Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Kuala Nerus, Dato' Dr. Hj. Alias Razak, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, Prof. Dr. Mohd Izani Mohd Zain, dan Timbalan Pengarah (Pembangunan), Majlis Sukan Negeri Terengganu, Dr. Haji Nasree Najmi.

RENUNGAN

SOLUSI KEHIDUPAN DENGAN TERAPI ZIKIR ASMA'UL HUSNA AL-MUSAWWIR (SIRI 15)

Oleh:

Mohd Radhi Abu Shahim

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Pengenalan

Antara nama-nama Allah SWT dalam rangkaian Asma'ul Husna ialah Allah Musawwir iaitu Allah Yang Maha Membentuk Rupa iaitu memberi rupa bentuk yang berbeza-beza terhadap makhluk-makhluk-Nya secara zahir. Malah Allah SWT al-Musawwir juga membentuk suratan takdir makhluknya dalam bentuk yang tidak nampak (batin). Perbezaan rupa bentuk dan sifat yang Allah SWT jadikan secara zahir mahupun batin ini agar semua makhluk saling melengkapi dan memerlukan antara satu sama lain.

Perbincangan

Apabila kita berbicara mengenai Allah SWT al-Musawwir, kita akan bicarakan dalam tiga perkara iaitu:

Allah SWT Maha Kaya Dalam Membentuk Sesuatu Rupa

Allah itu Maha Kaya dalam pembentukan rupa. Pelbagai bentuk dan rupa makhluk diciptakan. Walaubagaimanapun, ciptaan manusia adalah yang paling baik dan sempurna. Manusia diciptakan dengan sempurna untuk memikul tugas sebagai seorang khalifah iaitu pentadbir muka bumi ini. Akan tetapi, ramai manusia yang lupa akan tugas ini. Di dalam al-Quran, firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu - (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu yang Maha Pemurah? Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya; Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendakiNya, Ia menyusun kejadianmu”.

(Al-Infitaar 82:6-8)

Tidak mungkin bumi dan alam sejagat yang kompleks ini tiada penciptanya. Hari ini ramai saintis-saintis bukan Islam yang mengkaji alam ini akhirnya mengakui alam ini ada pencipta dan tidak kurang juga ada yang akhirnya memeluk Islam kerana kagum dengan keindahan mukjizat al-Quran yang menerangkan dengan begitu terperinci tentang kejadian alam. Secara fitrah juga manusia akan menyembah sesuatu yang dikagumi, maka mengkagumi kebesaran Allah SWT membuatkan manusia menyerah dan menyembah Allah SWT

Allah SWT juga menjadikan kita berbeza dari segi rupa dan sifatnya agar kita saling memahami hikmah yang tersembunyi di sebalik kejadian tersebut. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

(Al-Hujuraat 49:13)

Jika kita mahu melihat tentang penciptaan-penciptaan yang dikaji oleh ahli sains, terdapat satu ilmu yang dibuka oleh Allah SWT kepada manusia yang mana ilmu itu dipanggil sebagai kajian tentang “Deoxyribonucleic acid” atau lebih dikenali dengan istilah DNA. Setiap manusia itu mempunyai DNA tersendiri. Ahli saintis hanya mampu membaca 5% sahaja DNA, manakala 95% lagi masih menjadi misteri. Namun, ilmu ini banyak dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul kini. Contohnya, tragedi MH17 yang berlaku pada tahun 2014, di mana mayat-mayat yang tidak dapat dikenal pasti identiti boleh dikesan melalui DNA.

DNA manusia tidak ada kesamaan langsung dengan DNA makhluk lain yang berada di muka bumi ini. Sehingga para Saintis menyatakan bahawa manusia ini bukanlah asalnya dari bumi. Menurut al-Quran, manusia sememangnya bukan berasal dari bumi, manusia ini diciptakan oleh Allah SWT di syurga dan diturunkan ke muka bumi. Ini dijelaskan seperti ayat di bawah yang bermaksud:

“Kami berfirman lagi: "Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dari-Ku (melalui Rasul-rasul dan Kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku itu nescaya tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita".

(Al-Baqarah 2:38)

Allah SWT yang membentuk manusia dan juga makhluk-makhluk yang lain. Kita sebagai khalifah, manakala makhluk-makhluk lain Allah SWT ciptakan untuk memberi khidmat kepada manusia. Oleh itu, Allah SWT Yang Maha Membentuk Rupa menciptakan manusia sesuai dengan keadaannya sebagai khalifah. Contohnya Allah SWT menjadikan kita sepasang kaki, bayangkan jika kita mempunyai tiga kaki, bagaimanakah agaknya kita akan bergerak? Malah Allah SWT mengurniakan ciptaan manusia dengan akal. Disuruh kita untuk meningkatkan akal dengan ilmu, kerana perbezaan manusia itu terletak pada ilmu yang ada pada akalnya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?"
Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.*

(Az-Zumar 39:9)

Allah SWT Membentuk Sesuatu Tanpa Bergantung Pada Apa dan Sesiapa

Allah SWT Yang Maha Kuasa mampu membentuk sesuatu tanpa bergantung kepada sesiapa atau apa pun. Realiti kehidupan, jika seorang tukang jahit yang mahir sekalipun tetap memerlukan orang lain. Ia perlukan tukang kain, penanam kapas untuk membuat benang, orang yang membuat mesin jahit dan yang lain-lain untuk menjadikan sehelai baju. Hal ini bermakna, sehebat mana pun manusia itu, dia tetap akan bergantung kepada manusia lain untuk hidup dan mencipta sesuatu. Bahkan, jika kita dapat melakukan sesuatu amalan juga bukan bermakna kita hebat akan tetapi Allah SWT telah menyediakan keperluan dan peluang sehingga kita berjaya. Oleh itu, setelah melaksanakan sesuatu amalan maka lafazkanlah Alhamdulillah, agar kita tidak menjadi orang yang sombong.

“Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: "Jadilah engkau! ". Maka ia terus menjadi”.

(Yaa Siin 36:82)

Sesungguhnya Allah SWT menjadikan sesuatu perkara tanpa pertolongan daripada apa dan sesiapa juapun. Adapun manusia setelah mati memerlukan orang lain untuk menguruskan jenazahnya. Maka sebagai manusia jangan pernah rasa sombong dengan kehebatan diri kita kerana semuanya adalah daripada Allah SWT.

Penciptaan Allah SWT Itu Sangat Sempurna

Di dalam al-Quran, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Ia menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmat, dan Ia menentukan bentuk rupa kamu serta memperelokkan rupa kamu; dan kepada-Nyalah tempat kembali”.

(Al-Taghaabun 64:3)

“Dia lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan (mu) - dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?”.

(Al-Mulk 67:3)

Cuba teliti kejadian kita sendiri, adakah ia tidak seimbang. Bayangkan jika Allah SWT ciptakan mata di depan kepala, hidung di perut dan mulut dibelakang kepala. Bagaimanakah situasi kita agaknya bila hendak makan. Jari tangan yang tidak sama panjang tetapi apabila mengambil barang ia boleh mengenggam dengan erat. Maka benarlah ciptaan Allah SWT tidak ada satu pun yang kurang.

Kesimpulan

Pengalaman ulama-ulama terdahulu bahawa nama Allah SWT al-Musawwir ini bagus untuk kita beramal bagi sesiapa yang berkehendak anak dalam kandungan dalam bentuk yang baik, maka digalakkan untuk perbanyakkan zikir Ya Mussawwir agar anak dalam kandungan terbentuk zahir dan batinnya baik.

Allah SWT menjadikan siang adanya malam, ada langit dan adanya bumi. Begitu juga dengan kehidupan kita. Kadang kala bahagia dengan nikmat dan ada kalanya pula tersepit dengan musibah. Begitulah lumrah kehidupan yang ditakdirkan pada makhluk agar kita sentiasa mencari hikmah dan berusaha untuk meningkatkan ilmu dan keimanan kita.

Dalam konteks Allah SWT Yang Maha Membentuk Rupa juga boleh dilihat dari sudut yang batin iaitu ketentuan takdir yang berbeza antara satu sama lain. Maka manusia disuruh berusaha dengan doa dan amal semaksimum mungkin. Andai kata diri sedang diuji, maka mintalah kepada Allah SWT supaya Allah SWT tunjukkan jalan keluar bagi setiap permasalahan kita. Sebesar mana pun masalah kita, jika ada jalan keluarnya, maka masalah itu akan menjadi kecil. Adapun sekecil mana masalah, jika tiada jalan keluar, maka ia menjadi masalah yang besar.

Akhirnya, perbezaan dari segi rupa, sifat dan takdir yang Allah SWT tentukan pasti ada hikmahnya. Sebagai manusia kita disuruh saling mengenali, melengkapi dan saling menghargai agar hidup ini lebih harmoni.

